

**BULETIN**

# **INTEGRITI**



Edisi Kedua 2018

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

ISSN: 1028-2727

## **INTEGRITI DI HATIKU**



### **BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)**

PERINGKAT ZON BORNEO SIRI 2 TAHUN 2018



**BREAKFAST TALK INTEGRITI**

# KANDUNGAN

BULETIN INGTERITI



03 | Ucapan Aluan YAS Ketua Pesuruhjaya Bomba

04 | Tinta Ketua Editor

05 | Breakfast Talk Integriti



06 | Sambutan Hari Integriti dan Perhimpunan Bulanan Bulan November



08 | Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 2 Tahun 2018 Peringkat Zon Borneo, Miri, Sarawak

10 | Bicara Intelektual Pemerksaan Integriti (BIPIN) Siri 3 Tahun 2018 Peringkat Zon Utara, Perlis

12 | Bengkel Kor Siasatan Integriti

13 | Mesyuarat Kor Siasatan Integriti

14 | Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib

15 | Analisa Statistik Tatatertib sehingga Oktober 2018

16 | Tahukah Kita!!!!!!!

17 | Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti Siri 2 2018

18 | Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)

19 | Lawatan Mengejut Integriti

20 | Fotogenik Integriti

21 | Johan Pertandingan Penulisan Esei Integriti



KATA-KATA ALUAN

## **KETUA PESURUHJAYA BOMBA YAS DATUK MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID**

*Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia*

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi, Cepat Dan Mesra Dan Salam Integriti.**

Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, pembawa rahmat ke seluruh alam.

Baru-baru ini Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengadakan Sambutan Hari Integriti peringkat Jabatan dengan bertemakan "Integriti Di Hatiku". Integriti Di Hatiku bukan sekadar kata manis di bibir tetapi ia merupakan norma dan nilai yang harus sebatи dalam jiwa dan raga warga JBPM. Ia harus utuh dan digenggam serta meresap dalam jiwa raga dalam memastikan warga dan organisasi ini tetap unggul dalam memperkasakan integriti.

***"Doing the right things, without people watching it"  
is the basic fundamental of a noble individual,  
all decisions are driven by our values,  
regardless of your beliefs and backgrounds "***

Asas seperti ini yang ditanamkan oleh institusi kebombaan ke dalam setiap diri kita mulai daripada saat kita menjajak kaki ke dalam organisasi ini, sehingga kita menamatkan perkhidmatan kelak merupakan perkara pokok yang harus ada kepada setiap pegawai semasa melaksanakan tugas operasi kebombaan, penyelamatan dan kemanusiaan. Jabatan harus berfikiran jauh ke hadapan dan berfokus serta dapat meramalkan apa yang bakal terjadi tanpa kompromi kepada kesiapsagaan. Bak kata pepatah; *Belum rebah sudah ke ujung; Belum pergi sudah kembali; Belum di beli sudah dijual; Belum dimakan sudah terasa*'.

Sesungguhnya usaha memperkasakan integriti hendaklah menjadi teras dalam pekerjaan seharian warga Jabatan dan bukannya hanya diletakkan di atas bahu Unit Integriti semata-mata. Kita harus berubah dan sentiasa dinamik dalam menentukan kecemerlangan jabatan. Berubah itu mungkin mudah, tetapi kekal dengan perubahan yang dibuat mungkin adalah sukar.

*Integrity is telling myself the truth, and honesty is telling the truth to other people.*

Akhir kalam, saya menyeru kepada semua warga Jabatan supaya menjiwai dan menghadami sepenuhnya erti integriti dan sentiasa mengamalkannya walau di mana kita berada dan dalam bidang manapun kita bertugas. Semoga dengan usaha dan amalan kita yang berintegriti dapat memastikan Jabatan kita terus menjadi sebuah agensi yang cemerlang, unggul dan berprestasi tinggi.

Sekian, terima kasih.

**(Datuk Mohammad Hamdan Bin Hj. Wahid)**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



## TINTA **KETUA EDITOR**

PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman

Assalamualaikum W.B.T, Salam sejahtera, Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra dan salam Integriti.

Alhamdulillahhiro bil 'alamin wabihi nasta'in 'ala umuriddunyawaddin

Untuk sekalian kalinya saya ingin menyampaikan bicara dalam buletin ini kerana saya akan meninggalkan perkhidmatan pada awal tahun 2019, yang saya sayangi ini setelah lebih kurang 41 tahun lebih menarung uniform keramat yang menjadi darah daging saya dan keluarga.

Terlalu banyak perkara yang hendak diungkapkan, tetapi memadai lah saya menyatakan bahawa saya cukup rasa bersyukur dengan limpah rahmat yang berikan oleh Allah S.W.T selama dalam tempoh perkhidmatan ini.

Unit Integriti mestilah mempunyai watak hebat dalam kita menggagasi satu perkhidmatan yang berteraskan kepada nilai-nilai murni yang harus dilihat utuh dan disegani serta dihormati oleh sifatnya sebagai unit yang menguatkuasakan peraturan terutama dalam aspek-aspek kelakuan, salahlaku, penyelewengan, tatatertib dan pematuhan.

Janganlah ada diantara kita seperti, "musang berbulu ayam" ia itu seorang yang berpura-pura baik tetapi sebenar adalah orang yang tidak seperti yang kita jangkakan. Kita juga harus mengambil sikap membersihkan halaman kita dahulu sebelum kita membersihkan halaman orang. Amalan membiasakan yang betul dan betulkan yang biasa haruslah diambil sebagai satu pendekatan strategik dalam menentukan hati kita sentiasa berpandangan positif. Integriti sebenarnya adalah merupakan soal hati. Hati yang baik dan bersih akan dicerminkan melalui tingkah laku yang ditampilkan melalui perbuatan kita. **Bak kata bidalan, 'Benar mulai di hatinya, benar menurut ucapannya, benar pula pada sikap dan perbuatannya'**. Unit Integriti berharap agar warga jabatan akan sentiasa mempamerkan imej yang baik dan sekaligus akan melonjakkan reputasi jabatan di mata stakeholders dan masyarakat secara keseluruhannya.

Dalam pengamatan unit ini bahawa Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) telah menampakkan kesan yang membanggakan dimana jumlah pegawai yang diambil tindakan tatatertib telah menurun dari 110 kes pada tahun 2017 berbanding dengan 59 kes pada tahun 2018. Dari jumlah itu hanya 12 orang telah dibuang kerja pada tahun 2018 berbanding 21 orang telah dibuang kerja pada tahun 2017.

Unit Integriti berharap setiap warga Bomba akan sentiasa mendokong prinsip integriti dalam apa jua keadaan sekali pun, demi kelangsungan untuk menjadikan JBPM sebagai sebuah Jabatan yang berprestasi tinggi dan bermaruah. Kita mesti menjadikan integriti sebagai keutamaan dalam melayari bahtera kehidupan kita.

*'Rama-rama si kumbang jati, Khatib Endah pulang berkuda  
Patah tumbuh hilang berganti, Pusaka yang ada perlu dijaga'.*

Sekian terima kasih.

PPjB Norizan Bin Hj. Sulaiman  
Ketua Unit Integriti, JBPM



## Breakfast Talk Integriti

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) telah menganjurkan Breakfast Talk Integriti pada 28 Oktober 2018. YAS Datuk Mohammad Hamdan Bin Hj Wahid selaku pembentang utama telah memperjelaskan bahawa Jabatan akan terus mengambil langkah untuk memperkuatkan keutuhan dan fungsi unit Integriti dengan merencanakan tindakan yang agresif dalam usaha memperkasakan integriti dalam segenap aspek pelaksanaan amanah dan tugas.

Dalam program ini telah menampilkan Timbalan Presiden YAYASAN Anti Rasuah Malaysia, YBhg. Dato' Che Ab Rahim Che Daud dan mantan Ketua Polis Negara, YBhg. Tan Sri Musa Hassan sebagai pembincang serta Pengarah dan Ketua Penyelaras Pusat Koordinasi, Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun bertindak sebagai moderator. Program ini telah dihadiri oleh semua pegawai kanan Jabatan dari semua Bahagian-Bahagian serta Unit dalam Jabatan.



**“**KITA MELIHAT USAHA MEMPERKASAKAN INTEGRITI INI SEBAGAI SALAH SATU WADAH YANG SANGAT PENTING DAN ELEMEN ASAS YANG AMAT KRITIKAL DALAM MEMACU JABATANINI KE ARAH SEBUAH ORGANISASI KEBOMBAAN DAN PENYELAMAT YANG BERPRESTASI TINGGI,**”**

**“**TUNTUTAN DARIPADA CABARAN RISIKO KEBAKARAN, KEMALANGAN, BENCANA ALAM, BENCANA INDUSTRI DAN KHIDMAT KEMANUSIA MEMERLUKAN SETIAP WARGA KAKITANGAN BOMBA SENTIASA TERLATIH, SIAP SIAGA, CEKAP, RESPONSIF DAN EFEKTIF.**”**



**“**USAHA MEMBENTUK SEBUAH ORGANISASI YANG KUKUH DENGAN NILAI-NILAI MORAL DAN ETIKA ANGGOTANYA MEMPUNYAI NILAI-NILAI KEROHANIAN YANG UNGGUL SERTA UTUH DAN DITUNJANGI OLEH BUDI PEKERTI YANG LUHUR ADALAH SUATU USAHA YANG BERTERUSAN DAN SASARAN UTAMA.**”**

# SAMBUTAN HARI INTEGRITI

## DAN PERHIMPUNAN BULANAN

### BULAN NOVEMBER



YAS Datuk Mohd Hamdan bin Hj Wahid menyampaikan ucapan.



Pegawai-pegawai kanan jabatan mendengar ucapan YAS Ketua Pengarah.

Tanggal 7 November 2018 - Unit Integriti, JBPM buat kali pertama telah diamanahkan untuk menjadi hos dalam menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bulan November yang diadakan bersempena Sambutan Hari Integriti Peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Pada awal majlis, YAS Datuk Mohammad Hamdan bin Hj Wahid Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menyampaikan ucapan. Dalam majlis itu juga turut diadakan tayangan Montaj Integriti, Majlis Penyampaian Sijil dan hadiah kepada Pemenang Pertandingan Penulisan Esei Integriti, Penyampaian Sijil Penghargaan kepada Pasukan Debat yang menyertai Pertandingan Debat Integriti Piala Dato' Sri Ketua Setiausaha KPKT, serta Pentaulahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JBPM.



Peserta Pertandingan Debat Integriti Piala Dato' Sri KSU KPKT menerima Sijil Penghargaan.



Pemenang Pertandingan Penulisan Esei Integriti menerima Sijil dan hadiah.



Pentaulahan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) JBPM.




PB Mohd Fauzi bin Jamikah mendeklamasi Sajak bertajuk Integriti Di Hatiku.



Program Bicara Integriti sedang berlangsung.

Seterusnya majlis diteruskan dengan Majlis Sambutan Hari Integriti yang bertemakan Integriti Di Hatiku dengan mengadakan beberapa program iaitu Bicara Integriti. Panel yang dijemput adalah YBhg Dato' Sri Akhbar Bin Satar, Presiden, Transparency International Malaysia bersama-sama moderator YBrs Tuan Haji Hamilye Sham Bin Harun Pengarah & Ketua Penyelaras Koordinasi Dan Pemantauan Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).

Sebelum program Bicara Integriti dimulakan turut diadakan bacaan ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh PgB Luqman bin Ramli dan deklamasi sajak yang disampaikan oleh PB Mohd Fauzi bin Jamikah.



Bacaan Ayat Suci Al-Quran oleh PgB Luqman bin Ramli.

# BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)

SIRI 2 TAHUN 2018 PERINGKAT ZON BORNEO, MIRI, SARAWAK)



Pada 2 November 2018 - satu lagi program telah diadakan di Eastwood Valley Golf and Country Club, Miri, Sarawak anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Program ini telah dihadiri lebih kurang 320 peserta dari 55 buah agensi di Sarawak.

Seramai 3 orang panel terdiri daripada YBhg Proffesor Datu Mohd Fadzil bin Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UNIMAS, YBhg Ustaz Haji Mohd Jul bin Ahmad (JAIS), YBhg PPj Jutim anak Nyagam, Ketua Cawangan SPRM Sibu dan moderator YBrs Tuan Haji Hamilye Sham Harun Pengarah dan Ketua Penyelaras Koordinasi dan Pemantauan Institut Integriti Malaysia.



Para peserta mendengar kupasan ahli panel yang dijemput dalam program BIPIN.



Ucapan Perasmian oleh YAS Datuk Mohammad Hamdan bin Hj Wahid, Ketua Pengarah JBPM.





YAS Ketua Pengarah melawat pameran yang disertai oleh beberapa agensi kerajaan.

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh YAS Datuk Mohammad Hamdan bin Hj Wahid, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Turut hadir ialah PKPjB Khirudin bin Drahman@ Husaini, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak.



# BICARA INTELEKTUAL PEMERKASAAN INTEGRITI (BIPIN)

SIRI 3 TAHUN 2018 PERINGKAT ZON UTARA, PERLIS



YS PKPjB Saadon bin Mokhtar Pengarah JBPM Pulau Pinang membaca teks ucapan YAS Ketua Pengarah.

Bacaan Ikrar Integriti oleh semua peserta yang hadir program BIPIN.

Pada 8 November 2018 - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terus mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan Bicara Intelektual Pemerkasaan Integriti (BIPIN) Siri 3 dalam tahun 2018 di Auditorium Kementerian Dalam Negeri Negeri Perlis. Anjuran BIPIN tersebut merupakan anjuran bersama-sama dengan Institut Integriti Malaysia dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Antara panel yang dijemput untuk mengupas tentang isu integriti adalah YBhg Prof Madya Dr. Mohd Mizan Bin Mohammad Aslam Pengarah dan Pengasas Malaysia Institute Research Strategies Studies (MyRISS) dari Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Al Fadil Ustaz Ahmad Sirajuddin Bin Abdul Satar, Imam Besar Negeri Perlis dan YBrs Mohd Shukor bin Mahmud Pengarah SPRM Negeri Perlis. Program tersebut telah dimoderator oleh Tn Hj Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia. Program ini telah dihadiri lebih kurang 346 orang peserta dari 23 buah agensi sekitar Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.



YS PKPjB Saadon bin Mokhtar Pengarah JBPM Pulau Pinang mewakili Ketua Pengarah JBPM diberikan taklimat oleh Ketua Unit Integriti seterusnya menandatangani Tinta Integriti.



Bacaan Ikrar Integriti oleh semua peserta yang hadir program BIPIN.



2018.11.0

Di samping itu, pelbagai program juga turut diadakan iaitu ikrar integriti oleh semua peserta program dan seterusnya wakil-wakil Jabatan menandatangani Tinta Integriti sebagai menyatakan komitmen untuk membudayakan integriti di setiap agensi masing-masing. Turut diadakan pameran dari agensi kerajaan yang disertai oleh Jabatan Kesihatan Negeri Perlis, Jabatan Penjara Negeri Perlis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Majlis penutupan itu disempurnakan oleh Pengarah JBPM Pulau Pinang, Saadon Moktar yang mewakili Ketua Pengarah JBPM, YAS Datuk Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid yang tidak dapat hadir.



Pameran yang disertai oleh sebahagian agensi kerajaan dalam program BIPIN yang diadakan

# BENGKEL KOR SIASATAN INTEGRITI



Sesi bergambar semua peserta Bengkel Kor Siasatan Integriti.



Turut hadir Komandan ABPM Wilayah Utara dalam Majlis Penutupan Bengkel Kor Siasatan Integriti.

Bagi memantapkan lagi pengetahuan Kor Siasatan Integriti (KSI) dalam penyediaan laporan siasatan yang berkualiti dan berwibawa serta peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa, Unit Integriti telah mengambil inisiatif menganjurkan Bengkel Kor Siasatan Integriti.

Bengkel tersebut telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2018 bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Utara, Tronoh, Perak yang dihadiri seramai 37 orang peserta.

Tenaga pengajar yang berpengalaman daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Integriti dan Pematuhan (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia (AADK) dan Jabatan Audit Negara Malaysia telah menjadikan bengkel ini sebagai medan percambahan ilmu dan perkongsian pandangan yang bernalas bagi keseluruhan ahli KSI.



Antara Peserta yang hadir dalam Bengkel Kor Siasatan Integriti.



Ketua Unit Integriti menyampaikan cenderamata kepada Penceramah dari Polis Diraja Malaysia.



Ketua Unit Integriti menyampaikan cenderamata kepada Penceramah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan.



Ketua Unit Integriti menyampaikan cenderamata kepada Penceramah dari Jabatan Audit Negara.

# Mesyuarat

## Kor Siasatan Integriti

Bilangan 1 Tahun 2018



PPjB Norizan bin Hj Sulaiman Ketua Unit Integriti mempengerusikan Mesyuarat KSI.

Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bil. 1 Tahun 2018 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan pada 28 Ogos 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti dan telah dihadiri oleh seramai 28 orang pegawai Kor Siasatan Integriti dari seluruh negara.

Mesyuarat berkala ini merupakan medium perjumpaan di antara pegawai Kor Siasatan Integriti bersama Unit Integriti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memastikan peranan pegawai Kor Siasatan Integriti dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berakauntabiliti.

Dalam intipati ucapan aluan, Pengurus menekankan mengenai peranan pegawai Kor Siasatan Integriti dalam menjalankan siasatan serta penyediaan laporan yang berkualiti serta berwibawa dengan merujuk kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.



Ahli Mesyuarat KSI yang turut hadir dalam sesi Mesyuarat KSI.

Unit Integriti di bawah Seksyen Pengesahan, Pengesahan dan Tatatertib telah menjalankan Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri-Negeri yang dipilih serta balai-balai yang berada di dalam kawasannya.

Naziran ini diadakan bertujuan untuk melihat pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalaman Jabatan yang sedang berkuatkuasa.



Gambar-gambar Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib di JBPM Johor.

Pasukan Naziran turut mengambil peluang meninjau pelaksanaan arahan penggunaan Kad Perakam Waktu dengan merujuk kepada Surat Pekeling Am Bil. 11 tahun 1981, yang telah dipanjangkan ke balai-balai bertarikh 3 Januari 2014 melalui arahan YAS Ketua Pengarah serta melihat pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti dan Integriti (SKAI) dengan merujuk arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 berkuatkuasa 29 Januari 2016.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menasihati dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap JBPM Negeri yang telah dipilih. Laporan ini juga turut dipanjangkan untuk makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Naziran ini diketuai oleh PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti, Encik Mohd. Faruqi bin Badron, Ketua Seksyen Pengesahan, Pengesahan dan Tatatertib serta dibantu oleh Encik Abdul Hafiz bin Abdul Mutalib dan Encik Patrick Jelai Jali.

# **NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB**

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bilangan 2 Tahun 2018 telah diadakan pada 1 hingga 2 Ogos 2018 di JBPM Negeri Melaka serta balai-balai yang terpilih iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Gajah, BBP Tangga Batu dan BBP Masjid Tanah.

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bilangan 3 Tahun 2018 pula telah diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2018 di JBPM Negeri Sembilan serta balai-balai yang terpilih iaitu BBP Kuala Pilah, BBP Simpang Pertang dan BBP Jelebu.

Manakala Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bilangan 4 Tahun 2018 telah diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2018 di JBPM Negeri Sabah serta balai-balai yang terpilih iaitu BBP Tuaran, BBP Ranau dan BBP Penampang.

Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib Bilangan 5 Tahun 2018 telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2018 di JBPM Negeri Johor serta balai-balai yang terpilih iaitu BBP Kulai, BBP Pontian Baru dan BBP Pontian.



Gambar-gambar semasa melakukan Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib di JBPM Sabah.



Gambar-gambar Nazir Pematuhan Integriti dan Tatatertib di JBPM Melaka.



Gambar-gambar Nazir Pematuhan Integriti dan Tatatertib di JBPM Negeri Sembilan.

## ANALISA TATATERTIB

### Statistik Tatatertib

Sehingga 31 Oktober 2018, Lembaga-lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 12 kali, menyelesaikan sebanyak 59 kes melibatkan berbagai kesalahan dan perlanggaran tatatertib. Sebanyak 30 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibu Pejabat JBPM dimana 12 pegawai telah dibuang kerja manakala 29 kes lagi telah kendalikan di peringkat JBPM negeri seperti yang ditunjukkan dibawah:



### Statistik Kes Tatatertib Yang Telah Selesai Sehingga 31 Oktober 2018

Bil.	Peringkat	2015	2016	2017	2018
1.	Ibu Pejabat JBPM	70 (32 Buang Kerja)	58 (44 Buang Kerja)	43 (21 Buang Kerja)	30 (12 Buang Kerja)
2.	JBPM Negeri	45	50	67	29
	Jumlah	115	108	110	59

### Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Kesalahan

Peringkat	2016	2017	2018
Tidak Hadir Bertugas Dan Dapat Dikesan	56	23	12
Tidak Hadir Bertugas Dan Tidak Dapat Dikesan	10	7	2
Dadah (Perakuan Pegawai Perubatan)	6	3	5
Hadiyah Keraian	0	0	0
Keluar Negara	0	3	2
Menyelenggara Taraf Hidup Melebihi Emolumen	0	0	0
Keterhutangan Kewangan Yang Serius	0	0	0
Pekerjaan Luar	0	1	0
Rasuah	0	0	3
Kenyataan Awam	1	0	0
Aktif Dalam Politik Tanpa Kebenaran	0	0	0
Gangguan Seksual	0	1	0
Kes-Kes Mahkamah	12	9	4
Tatakelakuan/Kehilangan Aset Alih/Kemalangan/Kad Inden Minyak	23	59	31
	108	110	59

### Statistik Tatatertib Mengikut Jenis Hukuman

Kategori	2016	2017	2018
Amaran	39	39	15
Denda	0	2	4
Lucut Hak Emolumen	1	6	4
Tangguh Pergerakan Gaji	13	21	10
Turun Gaji	1	2	2
Turun Pangkat	0	0	0
Buang Kerja	44	21	12
	114	121	68



# TAHUKAH KITA ???

## LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM



### *Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993*

Seseorang pegawai TIDAK BOLEH, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain-

Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudarangkan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu.

Membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan.

Membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan.

Mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

Membuat apa-apa ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan.

Memberikan apa-apa maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan penjalanan fungsi Kerajaan.

Memberikan apa-apa penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan.

Menyebarluaskan apa-apa ulasan, maklumat atau penjelasan sedemikian sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.



*Melainkan jika kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khusus, telah diperolehi terlebih dahulu daripada MENTERI.*

# BENGKEL PEMBANGUNAN MODAL INSAN ORGANISASI BERINTEGRITI (PMIOB)

Bengkel Pembangunan Modal Insan Organisasi Berintegriti (PMIOB) Siri 2 Tahun 2018 telah berjaya diadakan di Dewan Galleria Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya pada 16 hingga 18 Oktober 2018.

Seramai 30 orang Pegawai Kanan telah terpilih dari seluruh negeri terlibat dalam program yang diadakan kali ini. Para peserta telah didedahkan dengan isu-isu semasa berkaitan dengan pengurusan Tatatertib, budaya kerja berintegriti, rasuah, penyelewengan, pengurusan kewangan, pengurusan perolehan, pencegahan penyalahgunaan dadah dan isu-isu berkaitan dengan Integriti.

Antara penceramah yang turut menyumbangkan tenaga dalam bengkel kali ini adalah Encik Mohammad Shahizan bin Abdullah, Cawangan Sumber Manusia JBPM, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun, Institut Integriti Malaysia, Antara Penceramah yang turut menyumbangkan tenaga dalam bengkel kali ini

**SIRI 2/2018**



Antara penceramah yang memberikan ceramah dalam bengkel yang diadakan.



Para peserta berbincang dalam kumpulan serta membentang hasil perbincangan.

adalah Encik Mohammad Shahizan bin Abdullah, Timbalan Pengarah Pengurusan JBPM, Tuan Haji Hamilye Sham bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Nik Mohd Azuran Raja Abdullah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Dr Azlan bin Shaiful Baharum, Pensyarah Kanan Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tuan Rosmadi bin Kasim dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Encik Md Adnan bin Abdullah dari Jabatan Audit Negara (JAN) dan Cik Noor Aziera Ezurien A. Aziz dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).



Peserta bengkel bergambar bersama-sama dengan Penceramah dan Fasilitator.



Penyampaian sijil kepada peserta.

## BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

2 - 4 Oktober 2018 - Bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Bandar Baru Bangi, Selangor, satu siri bengkel telah diadakan bagi menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia anjuran Unit Integriti. Bengkel 3 hari 2 malam tersebut telah dikendalikan sepenuhnya oleh Penceramah dari Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang dikenalpasti oleh PKPj Salwa binti Hj Muhamram serta dua orang fasilitator.

Dalam bengkel tersebut semua peserta telah didekah dengan latarbelakang, objektif komponen, pendekatan dan tool yang digunakan dalam menyediakan CRM. Para peserta juga telah dibagikan kepada beberapa kumpulan bagi membincangkan ruang dan peluang yang ada dalam Jabatan Bomba serta mengenalpasti langkah kawalan sedia ada serta tambahan yang difikirkan dapat membendung gejala tersebut dari terus berlaku.

Program tersebut melibatkan pegawai-pegawai kanan Jabatan yang mewakili Bahagian-Bahagian serta dari beberapa buah negeri dalam usaha mencambahkan idea untuk menyediakan satu Pelan Pengurusan Risiko Rasuah Jabatan.



### Antara Objektif utama Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) adalah :

- Digunakan sebagai alat pengukuran asas risiko dalam mencegah rasuah
- Membangunkan profil risiko rasuah dan menguruskan pendekatan berstruktur dan menyeluruh iaitu Mengenalpasti (Identification), Mengukur (Measurement), Penilaian kawalan (Control evaluation) dan Pemantauan (Monitoring).
- Menyediakan medium perbincangan (forum) berkesan dalam membincangkan aspek pencegahan rasuah
- Mengenalpasti pihak-pihak yang perlu mengambil tindakan dan bertanggungjawab (Accountability and responsibility) dalam pencegahan rasuah.



PKPj Salwa binti Hj Muhamram selaku penceramah memberikan penerangan berkaitan CRM kepada semua peserta bengkel.

# PEMERIKSAAN MENGEJUT INTEGRITI



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sentiasa berusaha dalam memberikan perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan yang terbaik kepada masyarakat. Oleh itu dalam memastikan perkhidmatan tersebut dapat disampaikan dengan baik kepada masyarakat, Unit Integriti mengambil inisiatif dengan melaksanakan pemeriksaan mengejut/berkala ke balai-balai JBPM yang juga merupakan salah satu daripada aktiviti utama Unit Integriti. Satu pasukan dibentuk untuk melaksanakan pemeriksaan mengejut setelah mengenalpasti balai-balai yang akan dilawati.

Antara tujuan utama perlaksanaan aktiviti ini adalah untuk membuat pemantauan pematuhan disiplin dan tatasusila pegawai bomba serta membuat cadangan penambahbaikan bagi memastikan kecemerlangan sistem



Latihan pengukuran yang dijalankan semasa pemeriksaan.

penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat atau pelanggan.

Semasa melaksanakan pemeriksaan mengejut di balai-balai, antara elemen-elemen yang dilaksanakan adalah membuat ujian panggilan kecemasan supaya mematuhi MS ISO 9001 :2008 Perkara 4.27 – Pengukuran 60 saat adalah dikira daripada terima panggilan hingga jentera keluar dari Bay Jentera. Manakala perkara-perkara yang terkandung dalam semakan semasa pemeriksaan meliputi panggilan baris, personaliti pegawai, keadaan jentera dan kenderaan utiliti, keadaan balai dan kuarters, kawasan balai, bilik bersedia anggota, bilik makan, bilik rehat, bilik sembahyang / surau, bilik kawalan / awasan serta bay jentera.

Pelaksanaan Pemeriksaan Mengejut telah diadakan pada 2 Julai 2018 hingga 5 Julai 2018 di sebelah Timur Sabah oleh Unit Integriti. Balai-balai yang telah dilawati adalah seperti berikut:

- **Balai Bomba dan Penyelamat Tawau, Sabah**
- **Balai Bomba dan Penyelamat Semporna, Sabah**
- **Balai Bomba dan Penyelamat Lahad Datu, Sabah**
- **Balai Bomba dan Penyelamat Kinabatangan, Sabah**
  - **Balai Bomba dan Penyelamat Beluran, Sabah**
  - **Balai Bomba dan Penyelamat Sandakan, Sabah**

Taklimat integriti akan disampaikan pada akhir sesi pemeriksaan mengejut yang disampaikan oleh Ketua Unit Integriti. Antara perkara yang disentuh adalah kesalahan lazim yang sentiasa dilakukan oleh pegawai sehingga dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Kelakuan dan Tatatertib 1993. Kesalahan kesalahan utama yang sering dilakukan termasuklah ketidakhadiran bertugas, sijil sakit palsu, gangguan seksual, terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan lain-lain kesalahan.



Taklimat Integriti disampaikan oleh Ketua Unit Integriti.

## FOTOGENIK INTEGRITI



MAJLIS PENYERAHAN BENDERA  
KONTINJEN WORLD FIRE FIGHTER  
GAMES DI CHUNGJU, KOREA



MAJLIS PERASMIAN  
BBP KIJAL TERENGGANU

PROGRAM  
BREAKFAST  
TALK INTEGRITI



BENGKEL PENGURUSI DAN AHLI LEMBAGA TATATERTIB



# INTEGRITI TERAS UTAMA JBPM BERPRESTASI TINGGI

Oleh:  
NOR SYAZWANI BINTI NASRI (13587)  
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT  
TELUK PANGLIMA GARANG, SELANGOR



Semasa kita masih kecil, kita diberitahu oleh ibu bapa tentang fungsi tiga warna pada lampu isyarat. Warna MERAH untuk berhenti, warna HIJAU untuk meneruskan perjalanan dan warna KUNING untuk sedia berhenti. Namun, selepas meningkat dewasa, doktrin yang telah dikoordinasikan semenjak kecil, ibarat masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Tatkala keseorangan dalam pemanduan, tanpa ada seseorang yang memandang ataupun pihak berkuasa melakukan sekatan, kita menghijaukan warna merah dan kita juga menghijaukan warna kuning. Apa kaitannya dengan INTEGRITI? Dalam kehidupan tidak kira di mana sahaja, berurusan dengan siapa, bila sesuatu itu berlaku dan bagaimakah cara mengatasi sesuatu perkara itu semuanya memerlukan integriti. Yang pasti, melanggar lampu isyarat ketika menunjukkan warna merah boleh dianggap tidak berintegriti.

Berdasarkan situasi di atas, integriti jelas membawa maksud kejujuran ataupun keadaan yang sempurna serta keutuhan. (Kamus Dewan:583). Pelan Integriti Nasional pula mendefinisi integriti sebagai kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu. Hal ini sangat berkait rapat kerana unsur integriti itu berlandaskan etika dan pencermian etika dalam tindakan sehari-hari. Teras utama pula merujuk kepada asas atau tunjang sesuatu perkara yang menjadikannya sangat penting untuk diwujudkan. Berdasarkan beberapa definisi di atas, dapat dirumuskan bahawa sesebuah organisasi yang profesional dicerminkan melalui perlaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik yang unggul dan sempurna. Kejujuran atau integriti merupakan salah satu amalan terbaik yang perlu dipatuhi untuk membangunkan sebuah organisasi yang sistematik dan berprestasi tinggi. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) pula merupakan

sebuah jabatan kebombaan dan penyelamat yang paling penting di Malaysia. Oleh itu, seseorang anggota JBPM itu mestilah memahami, mengamalkan, membudayakan dan menghayati integriti. Hal ini demikian kerana imej berprestasi tinggi JBPM itu akan ditentukan oleh golongan pelaksana utama iaitu, anggotanya.

YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim (2015) dalam teks ucapannya pernah menyatakan bahawa amanah dan tanggungjawab hendaklah dipikul sepenuh hati dan berkhidmat dengan integriti yang tinggi pada setiap masa. Tiada sebarang kompromi atau tolak ansur dalam soal integriti kerana hal ini adalah serius. Pernyataan ini membuktikan bahawa jika sesebuah organisasi itu distrukturkan secara sistematik daripada aspek pengurusan ruang kerja dan sahsiah para anggotanya, profesionalisme sebagai anggota kerajaan akan diangkat martabat dan prestasinya ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, mantan perdana menteri yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa konsep integriti mencakupi perkara-perkara yang lebih besar daripada isu-isu rasuah.

**“Seseorang itu dikatakan berintegriti apabila mereka memiliki nilai-nilai amanah, boleh dipercaya, jujur dan memiliki sifat-sifat peribadi yang positif.”**

Dengan penjelasan di atas, JBPM telah merangkakan satu tindakan bijak yang menjurus ke arah organisasi berprestasi tinggi. Pelan Integriti JBPM 2016-2018 diwujudkan dan dijadikan rujukan utama untuk meningkatkan prestasi JBPM ke tahap yang lebih baik.

JBPM telah melaksanakan Pelan Integriti JBPM dengan mensasarkan empat objektif utama (2015). Salah satunya adalah bertujuan untuk menjadikan JBPM sebuah sebuah agensi yang gemilang dalam aspek pembudayaan nilai-nilai murni dan integriti dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua masyarakat. Berlandaskan objektif ini, JBPM berharap agar dapat memerangi dan membanteras jenayah gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan warga jabatan. Fokus kepada integriti ini sekali gus diharapkan mampu merealisasikan JBPM berprestasi tinggi menjelang tahun 2020. Oleh itu, lapan pendekatan akan diambil sebagai usaha awal mengamalkan nilai integriti iaitu, pendidikan, pencegahan, pemantauan, punitif (hukuman), pemulihan, pengiktirafan, komunikasi dan penyelaras. Kombinasi kelapan-lapan pendekatan ini mampu melahirkan anggota yang sentiasa jujur dan telus dalam menjalankan tanggungjawab.

Integriti JBPM sangat dituntut berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu. Pertama, integriti dapat memerangi gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara menyeluruh dan berkesan. Dengan peningkatan kos sara hidup yang tinggi, harga barang keperluan semakin meningkat, kita bimbang ada dalam kalangan anggota yang mengambil langkah mudah untuk memperoleh duit sampingan. Amalan Integriti Pact Dalam (Integrity Pact) merupakan satu proses pengisytiharan oleh pembida untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan sesuatu kontrak dalam sesuatu urusan perolehan kerajaan. Urusan ini perlu ditandatangani melalui tiga proses pelaksanaan dengan tujuan tidak melakukan atau mengelakkan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran kontrak tersebut. Secara tidak langsung, amalan ini dapat menyebarluaskan dasar dan objektif sebenar

JBPM supaya difahami dan dilaksanakan oleh seluruh organisasi. Kesedaran tentang kesalahan rasuah dan penyelewengan tugas dalam kalangan pegawai dan kakitangan dapat ditingkatkan sekali gus menghapuskan gejala rasuah yang normanya berlaku dalam perolehan kerajaan. Keberadaan anggota yang sentiasa berdedikasi, telus dan bertanggungjawab mampu melonjak kecemerlangan prestasi JBPM. Melalui integriti, JBPM mampu memerangi rasuah dan gejala salah guna kuasa ke tahap sifar.

Kedua, amalan integriti dapat meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi. Hal ini selari dengan visi JBPM itu sendiri iaitu “menjadi sebuah organisasi kebombaan dan penyelamat berprestasi tinggi”. Selain Akta Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat 1988 (Akta 341) distrukturkan dalam JBPM, kuasa perundangan lain turut diguna pakai. Semua akta yang termaktub menjadi punca kuasa dan tanggungjawab terhadap bidang tugas JBPM. Pengurusan birokrasi yang baik akan mendapat galakan, penerapan, penghayatan dalam kalangan masyarakat. Pemodenan dan pemerkasaan pengurusan dan peralatan kebombaan misalnya dapat membantu memantapkan penyampaian perkhidmatan JBPM. Struktur penyampaian perkhidmatan yang tidak jelas dan rasional, kurang koordinasi, matlamat yang tidak jelas dan tidak sesuai dengan peredaran masa telah ditambah baik melalui pemantauan Unit Integriti. Unit ini akan menyelaras sistem, memastikan pembudayaan dan penerapan kod etika dan nilai-nilai murni dapat disepakukan dalam pelaksanaan dasar, perundangan, peraturan dan prosedur penyampaian dan perkhidmatan. Oleh itu, semua akta atau arahan yang diterima hendaklah diambil tindakan sewajarnya. Setiap anggota mestilah memahami dasar kualiti dan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pelanggan supaya segala kerena atau permasalahan dapat diambil tindakan segera dan berjalan lancar.



Ketiga, amalan integriti dapat meningkatkan tadbir urus korporat, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat. Kemenjadian usaha berkenaan ditandai dengan penyusutan kes-kes penipuan korporat dan peningkatan tender-tender yang dilakukan secara telus. Oleh itu, satu mekanisme lain diperlukan melalui penerapan dan pemantapan integriti. Mekanisme ini penting untuk memastikan perkhidmatan yang diberi dapat memenuhi kehendak seluruh organisasi (bidang kuasa), pelanggan dan masyarakat.



Melalui Pelan Integriti Bomba, anggota yang bertanggungjawab di bahagian pengurusan tadbir ini perlu menentukan dokumentasi, pengurusan selia dan diselenggara dengan efektif dan berkesan selaras dengan keperluan standard. Sebagai anggota, tugas menyelaras dan memastikan tadbir urus terbaik dilaksanakan meskipun banyak kekangan dan cabaran. Jadual pelaksanaan yang dianggarkan dalam tempoh setahun hingga dua tahun oleh semua bahagian pelaksana pengurusan korporat dan bahagian-bahagian lain secara tidak langsung dapat memantapkan keberkesanan tadbir urus daripada aspek penambahbaikan, pemantapan, kawalan dan pemantauan kerja melalui laporan kemajuan yang dikemukakan. Pelan integriti yang telah ditambah baik dari semasa ke semasa diharapkan dapat mewujudkan tadbir urus korporat yang lebih mantap, jitu, dan berintegriti. Hal ini secara tidak langsung dapat memantapkan pentadbiran JBPM ke tahap yang lebih unggul dan sistematis.

Keempat, melalui integriti, anggota biasa mahupun pegawai-pegawai serta kakitangan JBPM dapat memantapkan institusi keluarga dan komuniti. Tanpa integriti, seseorang individu akan mempunyai banyak kelemahan. Tambahan pula, sikap sambalewa, kaki ampu, tidak peduli, dan takut menyebabkan anggota menghadapi tekanan. Jika integriti dijadikan sebagai landasan dalam kerjaya JBPM, tidak mustahil, anggota ini sentiasa menunjukkan penghayatan nilai murni yang tinggi dan beretika ketika menjalankan tugas. Anggota yang sentiasa ikhlas dan gembira melakukan tugas yang diamanahkan ini dapat mengelakkan rasa tidak puas hati dan tidak bersemangat untuk bertugas. Kepuasan di tempat kerja, sentiasa bersangka baik dengan rakan sejawat dan orang ramai membuka ruang dan peluang kepada anggota JBPM untuk lebih bertanggungjawab terhadap bidang pekerjaannya dan juga kepimpinannya sebagai ketua keluarga. Lebih menarik lagi, amalan ini diperaktikkan dalam kalangan komuniti setempat dan masyarakat lain amnya. Pembangunan modal insan yang diterapkan dalam amalan integriti dapat meningkatkan sahsiah anggota dan organisasi JBPM. Imej baik yang ditonjolkan di mana-mana sahaja oleh seluruh anggota dan organisasi mampu menaikkan lagi prestasi tinggi JBPM di mata masyarakat.

Pembudayaan integriti secara tidak langsung, yang kelimanya adalah dapat meningkatkan kualiti hidup dan masyarakat. Kualiti hidup yang baik membuktikan seseorang itu ada prestasi yang baik dan sentiasa mencuba untuk menjadi yang lebih baik. Apa yang penting dan paling utama ialah kesediaan seseorang anggota itu untuk berubah ke tahap yang lebih baik supaya budaya integriti ini menjadi amalan seharian mereka. Melalui kepimpinan berteladan misalnya, seseorang anggota JBPM ini dapat menjadi suri teladan kepada anggota yang lain bahkan orang lain apabila mereka dianggap wira kerana tugasnya sebagai penyelamat. Kini, JBPM sudah mula mengorak langkah untuk sentiasa berada di hadapan. Di media sosial, rangkaian elektronik dan bukan elektronik, masyarakat turut memaparkan kewibawaan anggota JBPM dalam menyelesaikan sekecil-kecil masalah hingga ke masalah yang lebih serius dan kritikal. Bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. Banyak bait-bait pujian, kata-kata sokongan, bisikan-bisikan doa serta bantuan yang tidak diduga apabila JBPM selesai menjalankan tugasnya. Reputasi JBPM tidak akan tercalar jika amalan integriti ini menjadi teras utama dalam penstrukturkan jabatan.

Kesimpulannya, kod etika organisasi hendaklah sentiasa ditegaskan, diulangi, dihayati oleh anggota organisasi sehingga menjadi kebiasaan dan budaya dalam sebuah organisasi sebagai amalan terbaik. "Betulkan yang biasa, biasakan yang betul" menjadi satu prinsip yang perlu disematkan dalam hati dan jiwa untuk membudayakan integriti dalam organisasi JBPM. Berdasarkan kepentingan-kepentingan yang dijelaskan di atas, jelaslah bahawa integriti mampu membentuk dan menzahirkan nilai-nilai amanah, boleh dipercayai, jujur dan sifat-sifat peribadi yang teguh. Kewujudan integriti dalam JBPM seharusnya menjadi tonggak utama agar organisasi ini dapat meningkatkan prestasi yang lebih tinggi setaraf dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Tegak rumah kerana tiangnya, tegak bumi kerana paksinya, tegak JBPM kerana integritinya.

**Budayakan integriti,  
JBPM berprestasi tinggi**



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

### Unit Integriti

Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Lebuh Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya

Telefon : 03 - 8892 7600

Faks : 03 - 8888 0829

Laman Web : [www.bomba.gov.my](http://www.bomba.gov.my)

E-mail : [integriti.bomba@1govuc.gov.my](mailto:integriti.bomba@1govuc.gov.my)

